



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : UNDANG-UNDANG INDUSTRI
KOD MATA PELAJARAN : BPB 3123
KURSUS : 3 BPA / 3 BPB
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN :
BAHAGIAN A : JAWAB **TIGA (3)** SOALAN SAHAJA
DARIPADA EMPAT (4) SOALAN
BAHAGIAN B : JAWAB **SATU (1)** SOALAN SAHAJA
DARIPADA DUA (2) SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 MUKA SURAT

BAHAGIAN A : (30 markah)

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

- S1 (a) Terangkan maksud Undang-Undang Bertulis dan Undang-Undang Tidak Bertulis dengan memberikan contoh bagi kedua-dua jenis undang-undang tersebut. (2 markah)
- (b) Jelaskan ujian yang digunakan oleh Mahkamah untuk menentukan hubungan pekerjaan antara majikan dengan pekerja. Jawapan anda hendaklah disokong dengan contoh kes yang telah diputuskan oleh mahkamah. (8 markah)
- S2 (a) Terma dan Syarat adalah dua perkataan yang penting dalam Kontrak Perkhidmatan. Terangkan maksud Terma dan Syarat dan nyatakan perbezaan antara keduanya. (2 markah)
- (b) Jelaskan perkara berikut dengan merujuk kepada Akta Kerja 1955 dan Peraturan-Peraturan.
- (i) Larangan menghadkan tempat dan cara pekerja membelanjakan gaji.
 - (ii) Kontrak Perkhidmatan hendaklah bertulis.
 - (iii) Terma dan Syarat hendaklah memberi faedah kepada pekerja.
 - (iv) Larangan menghadkan hak-hak pekerja untuk berkesatuan.
 - (v) Definisi Pekerja separuh masa.
 - (vi) Larangan menamatkan pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing.
 - (vii) Masa pembayaran upah.
 - (viii) Tempoh maksimum waktu bekerja.
- (8 markah)

- S3 (a) Jelaskan definisi dan elemen penting Pertikaian Perusahaan serta elemen-elemen penting didalamnya. (4 markah)
- (b) Salah satu daripada tindakan perusahaan yang boleh diambil oleh pekerja adalah mogok. Terangkan maksud mogok dan nyatakan syarat sebelum sesuatu mogok itu dianggap sah di sisi undang-undang. (4 markah)
- (c) Terangkan **dua** cara penyelesaian pertikaian perusahaan yang anda ketahui. (2 markah)
- S4 (a) Terangkan maksud salah laku pekerja. (2 markah)
- (b) Jelaskan **empat** jenis salah laku pekerja yang anda ketahui. Jawapan anda hendaklah disokong dengan contoh kes yang telah diputuskan oleh mahkamah bagi setiap jenis salah laku tersebut. (4 markah)
- (c) Pada pendapat anda bolehkah seseorang pekerja itu dipecat tanpa melalui prosedur siasatan dalaman. Jelaskan kedudukan mahkamah di Malaysia tentang perkara tersebut. (4 markah)

BAHAGIAN B : (10 markah)

Jawab **SATU** soalan sahaja.

S5 Siti merupakan seorang pekerja yang rajin dan berdedikasi. Beliau bekerja sebagai pembantu jualan di Syarikat Untung Sdn. Bhd. dan telah bekerja sejak 1 Januari 2000 hingga kini. Berikut ialah terma dan syarat dalam kontrak perkhidmatan yang telah dipersetujui olehnya:

1.0 Upah Pokok

Gaji pokok yang ditawarkan adalah RM780 sebulan.

2.0 Masa Bekerja

- 8.00 pagi hingga 5.00 petang (8 jam)
- Waktu rehat dari pukul 1 tengahari hingga 2 petang
- 6 hari seminggu

3.0 Elaun-Elaun yang Layak diterima

- Elaun Kerja Lebih Masa (kadar mengikut Akta Kerja 1955)
- Elaun Perjalanan (Jika keluar stesen) = RM300 (sehari)
- Elaun Bersalin = 60 hari cuti bergaji penuh

4.0 KWSP dan SOCSO

- Caruman pekerja untuk KWSP = 11 peratus
- Caruman pekerja untuk SOCSO = 2 peratus

5.0 Bonus Tahunan

- Pekerja layak menerima bonus tahunan mengikut kemampuan dan prestasi syarikat.

- (a) Tentukan jumlah gaji bersih bulanan yang layak diterima oleh Siti terima.
(2 markah)
- (b) Tentukan jumlah hari cuti tahunan (12 bulan) yang layak diterimanya antara Januari 2000 hingga 31 Disember 2001.
(2 markah)
- (c) Pada bulan Februari 2005 pihak syarikat telah mengarahkan Siti bersama-sama dengan pegawai pemasaran keluar stesen selama 2 hari bagi mempromosikan produk terbaru syarikat. Kira gaji bersih beliau pada bulan tersebut.
(2 markah)
- (d) Atas permintaan yang menggalakkan selepas promosi produk pada bulan Mac 2005, syarikat telah menerima banyak tempahan daripada pelanggan. Pihak syarikat telah mengarahkan Siti untuk bekerja lebih masa pada hari rehatnya iaitu selama 2 hari dan kerja lebih masa selama 2 jam pada hari kerja biasa selama 3 hari. Kira gaji bersih beliau pada bulan tersebut.
(2 markah)
- (e) Pihak syarikat telah mendapat keuntungan yang besar pada tahun 2005 dan berjanji untuk memberi bonus tahunan sebanyak 3 bulan gaji pada bulan Disember kepada semua pekerja termasuk Siti. Kira jumlah KWSP dan SOCSO yang wajib dicarum oleh Siti pada bulan tersebut.
(2 markah)

S6 Ah Keong merupakan seorang pemandu van di Syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd. Tugas utama Ah Keong adalah membawa pekerja kilang ke tempat kerja dari jam 8 pagi hingga 5 petang. Kadangkala Ah Keong berasa malas dan akan balik awal. Beliau akan meminta rakannya Ah Seng untuk menghantar pekerja-pekerja tersebut. Suatu hari Ah Keong berasa mengantuk semasa memandu dan melanggar seorang pekerja kilang yang bernama Ah Lim yang sedang menunggu van untuk pulang ke rumah. Akibatnya Ah Lim telah mengalami kecederaan yang serius dan telah disahkan lumpuh oleh doktor. Siasatan mendapati bahawa brek van tersebut tidak berfungsi dengan baik. Insurans bagi van tersebut juga tidak diperbaharui. Ah Lim telah membawa kes ini ke mahkamah dan ingin menyaman Ah Keong dan Syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd.

(a) Terangkan terma tersirat untuk pekerja yang boleh diambil daripada kes di atas.

(2 markah)

(b) Terangkan terma tersirat untuk majikan yang boleh diambil daripada kes di atas.

(2 markah)

Jawapan anda hendaklah disokong dengan contoh kes yang telah diputuskan oleh mahkamah bagi kedua-dua soalan (a) dan (b).

(c) Jelaskan skim yang ditawarkan oleh SOCSO kepada pekerja yang mengalami masalah kes di atas.

(4 markah)

(d) Nyatakan pendapat anda, perlukah Ah Lim menyaman kedua-dua pihak iaitu Ah Keong dan Syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd. atau salah satu pihak sahaja.

(2 markah)